SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2021 Geografi Semester 2 Sarawak (SMK Bandar Sarikei) + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Geografi

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Nama: ..... Tingkatan: .....

942/2 **STPM 2021**

GEOGRAFI

KERTAS 1 SEMESTER 2

(Dua Jam)

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR SARIKEI
PEPERIKSAAN PERCUBAAN 1 STPM PENGGAL 1

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab empat soalan.

Bahagian A: *Jawab soalan* **1** *dan satu soalan lain sama ada soalan* **2** *atau soalan* **3.**

Bahagian B: *Jawab soalan* **4** *dan satu soalan lain sama ada soalan* ***5*** *atau soalan* **6**.

Jawapan untuk soalan **1** *bagi* **Bahagian A** *dan soalan* **4** *bagi* **Bahagian B** *hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.*

Untuk menjawab sama ada soalan **2** *atau soalan* **3** *bagi* **Bahagian A** *dan sama ada soalan* **5** *atau soalan* **6** *bagi* **Bahagian B**, *anda dikehendaki menggunakan helaian jawapan yang dibekalkan. Mulakan setiap jawapan pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan anda mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama-sama dengan kertas soalan ini.*

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
1	
2	
3	
Bahagian B	
4	
5	
6	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak

@ Majlis Peperiksaan SMK Bandar Sarikei

BAHAGIAN A: *ALAM SEKITAR FIZIKAL*
[40 *markah*]

Jawab ***semua soalan 1*** dan satu soalan lain sama ada soalan 2 **atau** soalan 3.

1. a) Apakah yang dimaksudkan dengan imbangan bahangan? [3]

_____

_____

_____

_____

_____

b) Jelaskan dua cara bagaimana permukaan bumi memindahkan haba ke atmosfera. [4]

i. _____

_____

_____

ii. _____

_____

_____

c) Jelaskan dua kesan peningkatan bahangan terhadap alam sekitar fizikal. [4]

i. _____

_____

_____

_____

ii. _____

_____

_____

_____

d) Huraikan bagaimanakah kandungan atmosfera boleh dipengaruhi oleh aktiviti manusia di kawasan bandar. [4]

i. _____

_____

_____

_____

ii. _____

_____

_____

_____

Soalan Esei

Jawab sama ada soalan **2** *atau soalan* **3**. *Jika memilih soalan* **3**, *jawab soalan* **3***(a) atau* **3***(b) sahaja.*

2. a. Sejauhmanakah faktor fizikal menyebabkan perbezaan taburan suhu secara mendatar di permukaan bumi. [13]
   b. "Taburan suhu di kawasan yang berbeza banyak mempengaruhi kehidupan dan aktiviti manusia.". Terangkan. [12]

3. *" Proses pembandaran yang pesat telah menyebabkan suhu persekitaran bandar kini relatifnya jauh lebih tinggi berbanding kawasan dipinggirnya."*

   a. i. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan punca-punca berlakunya fenomena berikut. [11]
   ii. Huraikan **tiga** kesan fenomena tersebut terhadap persekitaran fizikal bandar. [6]
   iii. Terangkan bagaimana Pulau Sejuk Bandar boleh diwujudkan bagi mengatasi fenomena yang dinyatakan dalam soalan a (i)? [8]

ATAU

   b. i. Bincangkan bagaimana perubahan unsur cuaca dan iklim dapat memberi kesan kepada aktiviti pertanian di kawasan Tropika Lembap. [13]
   ii. Jelaskan langkah-langkah yang sesuai bagi mengurangkan kesan perubahan unsur-unsur cuaca yang drastik di Malaysia. [12]

BAHAGIAN B: *ALAM SEKITAR MANUSIA*
[40 *markah*]

4. (*a*) Nyatakan **tiga** aktiviti manusia yang menyebabkan kemerosotan alam sekitar fizikal. [3]
   i. _____
   ii. _____
   iii. _____

   (*b*) Jelaskan bagaimana aktiviti-aktiviti ekonomi primer menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi Malaysia. [6]
   i. _____
   _____
   _____
   _____
   ii. _____
   _____
   _____
   _____
   iii. _____
   _____
   _____
   _____

(c) Huraikan **tiga** aktiviti pertanian yang menyebabkan pencemaran alam sekitar fizikal. [6]

i. _____

_____

_____

ii. _____

_____

_____

iii. _____

_____

_____

Jawab sama ada soalan 5 atau soalan 6

5. Jadual 1 menunjukkan pengeluaran beberapa jenis mineral di Malaysia pada tahun 1993 dan 1997.

Jenis mineral	**Pengeluaran (tan metrik)**	
	1993	**1997**
Bijih timah	10 338	5070
Lembaga	100 129	80 675
Bijih besi	245 849	258 587
Kaolin	209 562	187 411
Petroleum mentah	30 583	33 327

Jadual 1 Pengeluaran beberapa jenis mineral di Malaysia pada tahun 1993 dan 1997.

a. Berdasarkan Jadual 1, lukiskan sebuah graf bar yang sesuai untuk menunjukkan perubahan beberapa jenis mineral di Malaysia pada tahun 1993 dan 1997. [11]

b. Berdasarkan graf bar yang anda lukis pada soalan (a), huraikan tiga sebab berlakunya perubahan dalam pengeluaran mineral di Malaysia pada tahun 1993 dan 1997. [6]

c. Jelaskan empat kesan industri perlombongan petroleum dan gas asli terhadap alam fizikal di Malaysia. [8]

6. a. Berdasarkan sebuah negara di Asia Tenggara,terangkan keadaan-keadaan yang menyumbang kepada kemajuan sektor pelancongannya. [9]

b. Jelaskan kepentingan aktiviti-aktiviti pelancongan terhadap pembangunan negara tersebut. [8]

c. Huraikan langkah-langkah untuk mengatasi isu-isu yang menghalang perkembangan sektor pelancongan. [8]

Nama: ..... Tingkatan: .....

942/2 STPM 2021

GEOGRAFI

SKEMA JAWAPAN

PERCUBAAN 1 SEMESTER 2

BAHAGIAN A: *ALAM SEKITAR FIZIKAL*
[40 *markah*]

Jawab ***semua soalan 1*** dan satu soalan lain sama ada soalan 2 **atau** soalan 3.

1. a) Apakah yang **dimaksudkan** dengan imbangan bahangan? [3]

- **(Jumlah bahang matahari yang masuk ke permukaan bumi)**adalah (**sama)** dengan (**jumlah bahangan yang dibebaskan oleh permukaan bumi ke atmosfera).**
- Imbangan Bahangan bermaksud **jumlah bahangan yang diserap (1M)** dengan **jumlah bahangan yang dikeluarkan(1M)** adalah **sama (1M)**

Pemarkahan : 3 isi x 1m = 3m

b) Jelaskan dua cara bagaimana **permukaan bumi** memindahkan haba **ke atmosfera**. [4]
BUMI------- KE ATMOSFERA
MATAHARI-----KE BUMI – bahangan/ sinaran- elektromagnet pendek, serakan, serapan, pantulan , alir lintang

Isi	Huraian
b1 Pembahangan	Melalui gelombang Panjang/ ELEKTROMAGNET PANJANG dari bahangan yang dilepaskan oleh permukaan bumi
b2 Pengaliran haba	Melalui pengaliran, lapisan atmosfera yang menyentuh Permukaan bumi akan dipanaskan oleh bumi yang panas
b3 Perolakan	Udara yang dipanaskan melalui proses pengaliran dan bahangan yang diedarkan keseluruh kumpulan udara melalui arus perolakan
b4 Haba pendam sejatan dan pemeluwapan	Wap-wap air yang mengandungi banyak haba pendam akan membebaskan habanya ke atmosfera melalui pemeluwapan
b5 Sentuhan	Bumi panas bersentuh dengan udara sejuk akan berlaku pemindahan haba
b6 Pantulan/ Pembalikan/ ALBEDO	Bumi terkena bahangan matahari- permukaan bumi memantulkan semula bahangan ke atmosfera

Pemarkahan : mana-mana 2 isi x 2m = 4m

c) Jelaskan dua [kesan peningkatan bahangan] terhadap [alam sekitar fizikal].- 4 komponen [4]

Isi	Huraian
c1 Sistem geomorfologi.	Peningkatan proses luluhawa , Pencairan ais / peningkatan aras laut dan hakisan pantai dan hakisan angin. – huraian mesti kaitkan dgn peningkatan bahangan.
c2Sistem atmosfera	Kelembapan udara rendah, tekanan udara rendah, kekerapan kejadian ribut taufan dan litupan awan yang sedikit- huraian mesti kaitkan dgn peningkatan bahangan
c3Sistem hidrologi.	Kadar sejatan meningkat, Proses perpeluhan meningkat dan Kekurangan hujan dan pengurangan simpanan air tanih- huraian mesti kaitkan dgn peningkatan bahangan
c4 Sistem ekologi	Kemusnahan habitat, Kepupusan spesis, gangguan terhadap rantaian dan siratan makanan.- huraian mesti kaitkan dgn peningkatan bahangan

Pemarkahan : mana-mana 2 isi x 2m = 4

Coth jawapan- berlaku peningkatan proses luluhawa terutama luluhawa fizikal. Proses kembang kecut akan berlaku akibat suhu yang tinggi waktu siang dan pada waktu malam suhu rendah . proses berulang, akhinya batuan pecah.

d) Huraikan **bagaimanakah** kandungan atmosfera boleh dipengaruhi oleh aktiviti manusia di kawasan bandar. [4]

Isi	Huraian
d1 **Wap air**	- Aktiviti penanaman pokok, pembenihan awan, pembinaan badan air (takungan air) meningkatkan jumlah wap air -Aktiviti penebangan pokok- mengurangkan jumlah wap air
d2 **Gas**	(karbon dioksida, CFC, karbon monoksida, sulfur dioksida dll) - Aktiviti perindustrian, pengangkutan, pembakaran terbuka dan lain-lain.
d3 **Bahan terampai** **(debu, habuk)**	- Aktiviti pembinaan, pembakaran terbuka, penggunaan racun serangga dan lain-lain

Pemarkahan : mana-mana 2 isi x 2m = mak 4m

Soalan Esei

Jawab sama ada soalan **2** *atau soalan* **3**. *Jika memilih soalan* **3**, *jawab soalan* **3***(a) atau* **3***(b) sahaja.*

2. a. **Sejauhmanakah** faktor fizikal menyebabkan perbezaan taburan suhu secara mendatar di permukaan bumi.

[13]

FAKTOR FIZIKAL	**Huraian**
A1 – Perbezaan latitud/garisan lintang – 1m	•Latitud di tengah glob seperti garisan khatulistiwa adalah lebih dekat dengan matahari dan menerima tenaga matahari lebih banyak – suhu tinggi. •Latitud di hujung glob seperti sekitar kutub utara/selatan adalah lebih jauh darapada matahari dan menerima tenaga matahari sedikit – suhu rendah. – 1m
A2 – Sudut zenith matahari – 1m	•Sekitar garisan khatulistiwa menerima pancaran matahari dalam keadaan sudut tepat (90o) berbanding dengan kawasan kutub yang menerima pancaran matahari dalam keadaan sudut condong. •Keamatan tenaga matahari di kawasan khatulistiwa adalah tinggi berbanding kedua-dua kutub. – 1m
A3 – Perbezaan litupan awan – 1m	•Kawasan gurun panas menerima tenaga suria paling tinggi berbanding kawasan khatulistiwa. •Kawasan gurun mempunyai litupan awan yang nipis (awan sirus) berbanding kawasan khatulistiwa yang mempunyai litupan awan yg lebih tebal. •Awan berfungsi mengurangkan jumlah pancaran matahari melalui proses serapan dan balikan. – 1m
A4 – Perbezaan ciri/sifat permukaan bumi – 1m	•Perbezaan ciri/sifat permukaan bumi mempengaruhi nilai albedo. •Permukaan bumi yang gelap spt jalan bertar, bangunan konkrit dan hutan lebih banyak menyerap bahangan matahari berbanding permukaan yang cerah seperti salji, air laut dan sungai yg lebih bnayak membalikkan bahangan matahari. – 1m
A5 – Pengaruh kelautan – 1m	•Kawasan yang jauh dari laut tidak menerima pengaruh arus lautan. •Arus lautan membantu meyederhanakan suhu di kawasan pinggir pantai – 1m
Faktor lain2 (manusia) – 1m	
A6 – Aktiviti perindustrian – 1m	•Membebaskan gas pencemar spt karbon dioksid, sulfur dioksida dan nitrogen oksida. •Gas pencemar bersifat lutsinar kepada bahangan matahari tetapi legap kpada bahangan bumi. •Bahangan bumi yang terperangkap dalam ruang atmosfera-bumi. Nilai suhu sekitar akan meningkat – 1m
A7 – Aktiviti pengangkutan – 1m	•Penggunaan bahan api fosil membebaskan gas pencemar spt karbon dioksid, sulfur dioksida dan nitrogen oksida. •Gas pencemar bersifat lutsinar kepada bahangan matahari tetapi legap kpada bahangan bumi. •Bahangan bumi yang terperangkap dalam ruang atmosfera-bumi. Nilai suhu sekitar akan meningkat – 1m

(Pemarkahan : Mana-mana 6 isi yang dihurai x 2 m + penegas 1m = 13m)

BAHAGIAN B: *ALAM SEKITAR MANUSIA*
[40 *markah*]

4. (*a*) Nyatakan **tiga** aktiviti manusia yang menyebabkan kemerosotan alam sekitar fizikal. [3]
   i. pemusnahan hutan – musnah habitat/ prosesproses geomorfologi spt hakisan,pergerakan jisim
   ii. perlombongan - musnah habitat/ prosesproses geomorfologi/pencemaran air/pencemaran udara
   iii. perkilangan - musnah habitat/ pencemaran air/pencemaran udara

coth....**nyatakan** ciri-ciri unsur cuaca semasa el nino (3)
- suhu tinggi
- kelembapan udara rendah
- tekanan udara rendah

(*b*) Jelaskan bagaimana aktiviti-aktiviti ekonomi PRIMER menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi Malaysia. [6]

* semua isi mesti ada aktiviti **ekonomi primer spt pertanian, perhutanan,perikanan atau perlombongan**.

i. peluang pekerjaan – kawal kadar pengganguran,kurangkan kemiskinan, taraf hidup meningkat
ii. pendapatan negara- masuk mata ang asing,tambah pendapatan perkapita
iii. Perkembangan kemudahan infrastruktur spt air elektrik,telekominikasi

(c) Huraikan **tiga** aktiviti pertanian yang menyebabkan PENCEMARAN alam sekitar fizikal. [6]

c1. Pembukaan kawasan ladang – penyahhutanan - pembakaran terbuka – menyebabkan pencemaran udara
c2. Penggunaan baja kimia – hujan – larian air permukaan - menyebabkan pencemaran air.
c3. Penggunaan racun serangga – penyemburan - menyebabkan pencemaran udara.
c4. Penggunaan plastik di tapak semaian – menyebabkan pencemaran sampah sarap.
c5. Penternakan ayam / itik / kambing – najis haiwan – menyebabkan pencemaran bau / air.

(3 isi x 2 markah = 6 markah)

Aktiviti pertanian
- Mencari tapak pertanian
- Membakar hutan utk dijadikan tapak pertanian
- Membajak tanah
- Menyemai / menanam benih
- Membaja – baja kimia berlebihan
- Menyiram
- Meracun- racun serangga berlebihan
- Menuai
- Menjemur
- Membakar sisa pertanian

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Geografi

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar